



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN PENGGUNAAN MODUL K360 TERHADAP PENCAPAIAN DAN SIKAP PELAJAR DALAM MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU (PENULISAN)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ROHAYA BINTI RAHIM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESAN PENGGUNAAN MODUL K360 TERHADAP
PENCAPAIAN DAN SIKAP PELAJAR DALAM
MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU
(PENULISAN)**

ROHAYA BINTI RAHIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENILAIAN PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur dengan izinNya disertasi ini berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan walaupun pelbagai rintangan dihadapi terutama faktor kesihatan. Dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian, mengumpul modul dan dokumentasi, penyelidikan telah mendapat bantuan secara langsung dan tidak langsung daripada individu-individu berikut ; Profesor Dr. Mohd Sahandri Gani Hamzah - Penyelia disertasi yang banyak memberikan panduan dan nasihat, pensyarah dan pelajar Tahun Dua Sijil Vokasional, Jabatan Perniagaan, Kolej Vokasional Slim River yang terlibat di dalam kajian ini, para pensyarah Fakulti Pembangunan Manusia yang telah memberikan ilmu dan tunjuk ajar, rakan-rakan sepengajian yang banyak memberi bantuan dan semangat. Tidak lupa kepada suami tercinta Yusharizal Afandi bin Yeop Ahamad yang sentiasa memberikan sokongan dan sentiasa berkorban pada setiap masa. Sekalung penghargaan juga buat bonda tercinta Latapah binti Awang yang tidak putus mendoakan kejayaan saya. Yang terakhir jutaan kasih sayang kepada anakanda Muhammad Danish Iqbal dan Damia Nabihah yang turut memahami perjuangan ibu. Akhir kata, terima kasih tidak terhingga kepada semua yang turut terlibat dalam menyudahi disertasi ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menentukan kesan Modul K360 terhadap pencapaian dan sikap pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (Penulisan) di sebuah Kolej Vokasional di negeri Perak. Reka bentuk kuasi eksperimen telah digunakan dalam kajian ini. Sampel telah dipilih secara rawak kluster dan dibahagikan kepada kumpulan eksperimen ($n=19$) dan kumpulan kawalan ($n=20$). Intervensi selama enam (6) minggu telah dijalankan untuk melihat kesan Modul K360 terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (Penulisan). Instrumen kajian terdiri daripada ujian pencapaian dan soal selidik yang telah disahkan dalam kajian rintis. Kebolehpercayaan instrumen menggunakan indeks ketekalan dalam Alfa Cronbach adalah di antara 0.84 dan 0.68. Untuk menentukan kesetaraan sampel kajian maka ujian pra telah dijalankan di mana hasil ujian-t menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan min ujian pra di antara kumpulan eksperimen dan kawalan [$t(37) = 0.00, p>0.05$]. Selepas intervensi selama enam minggu dijalankan menggunakan Modul K360 kepada kumpulan eksperimen, ujian pos pula ditadbir kepada kedua-dua kumpulan. Hasil ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan [$t(37) = 13.40 ; p<0.05$] di antara min ujian pos kumpulan eksperimen (min = 78.10; SP = 4.76) dan min ujian pos kumpulan kawalan (min = 57.95; SP = 4.62). Bagi sikap pelajar pula, kumpulan eksperimen menunjukkan sikap yang lebih baik (min = 4.54, SP=0.10) berbanding kumpulan kawalan kawalan (min = 3.46; SP 0.28). Kesimpulannya, dapatkan utama kajian menunjukkan bahawa Modul K360 adalah berkesan dalam meningkatkan pencapaian dan membantu pelajar bersikap lebih positif dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (Penulisan) di Kolej Vokasional. Implikasi kajian menunjukkan bahawa Modul K360 boleh digunakan oleh pelbagai institusi untuk meningkatkan pencapaian dan minat pelajar terhadap Bahasa Melayu.





THE EFFECT OF USE OF K360 MODULE ON STUDENTS' ACHIEVEMENT AND ATTITUDE IN THE MALAY LANGUAGE (WRITING) SUBJECT

ABSTRACT

This study aimed to determine the effect of the K360 Module on students' achievement and attitude in Malay Language (Writing) subject at a Vocational College in Perak. The quasi-experimental design has been used in this study. Samples were randomly selected and assigned to treatment group ($n = 19$) and control group ($n = 20$). A six-week intervention was conducted to observe the achievement of K360 Module on student achievement in the Malay Language (Writing) subject. The research instruments consisted of achievement tests and questionnaires which have been validated in a pilot study. The reliability of the instrument using the Cronbach alpha internal consistency index was between 0.84 and 0.68. To determine the homogeneity of the research samples, a pre-test was conducted where t-test results showed no significant difference [$t (37) = 0.00, p > 0.05$] of the pre-test mean between treatment and control group. After the six-week intervention using the K360 Module for the treatment group, a post-test was conducted to both groups. The t-test result showed that there was a significant difference [$t (37) = 2.78; p < 0.05$] between the mean of the post-test treatment group ($M = 78.10; SP = 4.76$) with the mean of the post-test control group ($M = 57.95; SP = 4.62$). For the students' attitude, the treatment group showed a better attitude ($M = 4.54, SP = 0.10$) than the control group ($M = 3.46; SP = 0.28$). In conclusion, the main findings of the study showed that the K360 Module is effective in improving the achievement and helping the students to be more positive towards in the Malay Language (Writing) subject at Vocational College. The implication of the study shows that the K360 Module can be used by various institutions to enhance student achievement and interest in the Malay language.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv



1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	7
1.3 Penyataan Masalah	12
1.4 Objektif Kajian	18
1.5 Persoalan Kajian	18
1.6 Hipotesis Kajian	19
1.7 Kepentingan Kajian	19
1.8 Skop dan Batasan Kajian	21
1.9 Kerangka Konseptual Kajian	22
1.10 Definisi Operasional	23
1.10.1 Modul K360	24
1.10.2 Pencapaian	25





1.10.3 Bahasa Melayu (Penulisan)	26
1.10.4 Kumpulan Eksperimen	26
1.10.5 Kumpulan Kawalan	27
1.10.6 Ujian Pra	27
1.10.7 Ujian Pos 1	28
1.10.8 Ujian Pos 2	28
1.10.9 Sikap	28
1.11 Rumusan	29

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	30
2.2 Kajian Tentang Penggunaan Modul Dengan Pencapaian Pelajar	31
2.3 Teori Pemprosesan Maklumat R. M. Gagne	34
2.4 Prinsip Premack	38
2.5 Teori Behaviorisme	39
2.6 Penekanan Aspek Kefahaman Dalam Aktiviti Membaca Terhadap Penulisan	40
2.7 Konsep dan Proses Mengarang	42
2.8 Model Penilaian CIPP	44
2.9 Rumusan	46



BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	48
3.2 Reka Bentuk Kajian	49
3.3 Lokasi Kajian	53
3.4 Responden Kajian	52
3.5 Instrumen Kajian	54
3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	57





3.6.1	Instrumen Modul K360	58
3.6.2	Set Soalan Ujian Pencapaian	59
3.6.3	Set Soal Selidik	59
3.7	Prosedur Kajian	60
3.8	Tempoh Latihan Eksperimen / Intervensi	61
3.9	Strategi Penghasilan Modul K360	61
3.10	Prosedur Pelaksanaan Modul K360	62
3.11	Prosedur Pelaksanaan Ujian Pra	65
3.12	Pelaksanaan Ujian Pos (Ujian 1 dan Ujian 2)	65
3.13	Kawalan Kesahan Dalaman Yang Memberi Kesan Kepada Kajian	67
3.14	Kawalan Kesahan Luaran Yang Memberi Kesan Kepada Kajian	71
3.15	Prosedur Pelaksanaan Borang Soal Selidik	72
3.16	Prosedur Pengumpulan Data	73
3.17	Kaedah Analisis Data	74
3.18	Rumusan	77

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	78
4.2	Kajian Rintis (Kebolehpercayaan)	78
4.3	Statistik Deskriptif	80
4.3.1	Profil Responden	80
4.3.2	Sikap Pelajar Antara Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Eksperimen	87
4.3.2.1	Keseronokan Terhadap Bahasa Melayu	87
4.3.2.2	Motivasi Intrinsik	88





4.3.2.3 Motivasi Ekstrinsik	90
4.3.2.4 Konsep Kendiri dalam Penulisan Karangan	91
4.4 Statistik Inferensi	95
4.4.1 Min pencapaian ujian pra antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan	96
4.4.2 Status Pencapaian Bahasa Melayu (Penulisan) Dalam Ujian 1 Antara Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan	97
4.4.3 Status Pencapaian Bahasa Melayu (Penulisan) dalam Ujian 2 antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan	98
4.4.4 Status peningkatan pencapaian ujian antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan	99
4.4.5 Sikap pelajar antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan	100
4.5 Kesimpulan	101

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	102
5.2 Rumusan Kajian	103
5.3 Perbincangan	104
5.3.1 Sikap Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu Penulisan	104
5.3.2 Kesan Penggunaan Modul K360 ke atas Pencapaian Pelajar	108
5.3.3 Hubungan antara Sikap dan Pencapaian dalam Bahasa Melayu Penulisan	110
5.3.4 Aplikasi Teori Behaviorisme Dalam Modul K360	110
5.4 Kesimpulan Dapatan Kajian	113
5.5 Implikasi Kajian	114
5.5.1 Implikasi kepada pelajar	110
5.5.2 Implikasi kepada guru	115





5.5.3	Impikasi kepada pihak kolej / Bahagian Pendidikan Vokasional	116
5.6	Cadangan Kajian	117
5.7	Cadangan Penyelidikan Masa Hadapan	118
5.8	Kekangan di dalam Kajian	120
5.9	Kesimpulan	121
RUJUKAN		123
LAMPIRAN		





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Reka Bentuk Ujian Pra – Ujian Pos	51
3.2 Reka Bentuk Eksperimental Menggunakan Modul K360	52
3.3 Bahan Edaran dan Kuantiti	66
3.4 Langkah-langkah mengawal Ancaman Bagi Kesahan Dalaman	69
3.5 Langkah-langkah mengawal Ancaman Bagi Kesahan Luaran	71
3.6 Pengelasan Skor Min Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan Aspek Sikap	75
3.7 Rumusan Analisis Data	76
4.1 Kebolehpercayaan Terhadap Keseluruhan Pembolehubah	79
4.2 Taburan Responden Mengikut Jantina	81
4.3 Bilangan Responden Berdasarkan Etnik	81
4.4 Bilangan Responden Berdasarkan Bahasa Ibunda	82
4.5 Bilangan Responden Berdasarkan Pendidikan Bapa	82
4.6 Bilangan Responden Berdasarkan Pendidikan Ibu	83
4.7 Bilangan Responden Berdasarkan Peruntukan Masa Membaca	84
4.8 Bilangan Responden Berdasarkan Muka Surat Membaca	85
4.9 Bilangan Responden Berdasarkan Karangan yang Disiapkan	86
4.10 Bilangan Responden Berdasarkan Buku yang DiPinjam	86
4.11 Min dan Sisihan Piawai Keseronokan Terhadap Bahasa Melayu	87
4.12 Min dan Sisihan Piawai Motivasi Intrinsik	89
4.13 Min dan Sisihan Piawai Motivasi Ekstrinsik	90
4.14 Min dan Sisihan Piawai Konsep Kendiri dalam Penulisan karangan	92





4.15	Min dan Sisihan Piawai Sikap Pelajar	93
4.16	Skor min ujian pra bagi kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen	96
4.17	Perbandingan skor min ujian kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen bagi Ujian 1	97
4.18	Skor min Ujian 2 Bahasa Melayu Penulisan bagi kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen	98
4.19	Skor min ujian bagi kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen	99
4.20	Skor min sikap bagi kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen	100





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xiv

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	22
3.1 Rekabentuk kajian	53



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
BPTV	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
CIPP	Konteks, Input, Proses dan Produk
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
EPRD	Bahagian Perancangan Dasar Penyelidikan
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSKV	Kurikulum Standard Kolej Vokasional
KV	Kolej Vokasional
KVSR	Kolej Vokasional Slim River
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
NILAM	Nadi Ilmu Amalan Membaca
PAK21	Pembelajaran Abad ke 21
PdPC	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PISA	Program Penilaian Pelajar Antarabangsa
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
RSL	Rancangan Sesi Latihan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SVM	Sijil Vokasional Malaysia





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Dewasa ini, para pelajar sangat lemah dalam menyumbangkan idea dalam penulisan terutamanya dalam penulisan karangan yang memerlukan idea dan maklumat secara ilmiah. Masalah ini wujud kerana para pelajar kurang membaca bahan bacaan akademik dan lebih cenderung untuk memilih bahan bacaan lain seperti komik dan novel. Kajian Shaharom TM Sulaiman (2011) mengemukakan dapatan oleh pensyarah Universiti Malaya (UM), Dr. Abu Hassan Hasbullah tentang tabiat membaca yang mana menunjukkan pelajar universiti di Malaysia hanya membaca empat puluh buku setahun. Manakala jumlah bilangan buku yang dibaca oleh pelajar universiti luar negara dari Universiti di Australia ialah sebanyak 180 buah, Indonesia





94 buah, India 130 buah, Thailand 56 buah dan Brunei 26 buah. Menurutnya juga, kecenderungan pembaca memilih bacaan dalam kategori motivasi novel-novel popular tidak kira bahasa Melayu atau Inggeris. Malah novel-novel Melayu dapat dijual dengan volum yang tinggi sehingga melebihi 20 ribu naskah berbanding buku-buku akademik.

Dalam menguasai pelajaran bahasa, seseorang individu perlulah menguasai empat kemahiran asas iaitu bermula kemahiran membaca, kemahiran mendengar, kemahiran mengingat dan seterusnya kemahiran menulis. Kemahiran membaca dan menulis tidak dapat berlangsung secara berasingan, malah saling berhubungkait antara satu sama lain dalam menentukan prestasi pelajar. Membaca dan menulis adalah aktiviti yang berlaku secara serentak. Pada peringkat awal kanak-kanak lagi, kemahiran membaca begitu penting dalam memastikan pelajar dapat menguasai bacaan dan seterusnya dapat menulis semula. Manakala pada peringkat sekolah menengah kemahiran menulis mula dinilai dengan terperinci dengan melihat pelbagai aspek kemahiran menulis.

Umumnya, pengajaran karangan di peringkat sekolah menengah adalah lebih berfokus dan objektifnya lebih holistik iaitu menyempurnakan kehendak Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu. Objektifnya itu agak kompleks iaitu secara tegas bertujuan melontarkan buah fikiran, idea, fakta, pandangan, ulasan, hujah dan sebagainya melalui bahasa bertulis yang mutunya sesuai dengan peringkat umur dan tahap kematangan pelajar. Kepentingan penulisan karangan tercatat dalam kurikulum Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran tersendiri dan kemahiran menulis turut ditekankan dalam Kurikulum Bersepadu Bahasa Melayu Sekolah Rendah iaitu





kurikulum lama yang disemak semula pada tahun 2002 dan dilaksanakan bermula pada tahun 2003. (Roselan Baki, 2003).

Tiga bidang kemahiran baru iaitu komunikasi interpersonal, berfikir dan nilai mulai diperkenalkan dalam Sukatan pelajaran Bahasa Melayu yang dilaksanakan pada awal 2003. Kurikulum ini, kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh setiap pelajar kerana ia merupakan kemahiran yang paling kompleks. Menurut Abdullah Hassan (2009), tiga kemahiran baru ini tidak diberikan penekanan dalam sukanan pelajaran lama yang sebelumnya. Pelajar hanya diajar tentang tatabahasa dan seterusnya bergantung kepada potensi pelajar tersebut menggunakan bahasa menurut tafsiran sendiri. Menurut Noorazman Mahat (2009) di dalam Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd Rahman (2011), pelajar perlu mencapai kemahiran menulis

Malaysia ini memerlukan pelajar menjawab dalam bentuk tulisan dan ada juga yang memerlukan jawapan yang panjang lebar dalam pelbagai bentuk struktur ayat. Masalah untuk menjawab soalan dengan baik akan dihadapi oleh pelajar jika tidak menguasai kemahiran menulis. Bagi memastikan pelajar dapat menghuraikan data-data yang tepat, menyusun jawapan dalam bentuk yang mudah, teratur dan meyakinkan, kemahiran menulis perlu dikuasai sepenuhnya terlebih dahulu. Lantaran itu, kemahiran menulis adalah sangat penting dan perlu dilaksanakan berdasarkan penguasaan kemahiran. Selain itu, Roselan Baki (2003) di dalam Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd Rahman (2011) berpendapat, penghasilan penulisan merupakan suatu proses yang kompleks dan ianya perlu mengikuti tahap-tahapnya secara sistematis semasa melakukan penulisan. Menurut Suhaimi Yunus (2009) pula, kemahiran menulis dipandang serius dalam sesi pembelajaran dan pemudahcaraan





(PdPc) Bahasa Melayu kerana ia mesti dikuasai oleh pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan bertulis mata pelajaran lain. Teknik menulis yang efektif amat penting bagi memastikan kejayaan akademik dalam sistem pendidikan seantero dunia.

Selari dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan, Bahasa Melayu dijadikan sebagai mata pelajaran teras dan telah menjadi Bahasa pengantar utama bagi semua peringkat sekolah dan institusi pengajian. Berdasarkan petikan tersebut, ternyata fungsi dan tanggungjawab yang digalas oleh guru-guru Bahasa Melayu adalah amat berat dan mencabar. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab dan tugas-tugas guru Bahasa Melayu adalah amat mencabar dan berat. Dengan ini, menjadi tanggungjawab dan tugas guru-guru Bahasa Melayu untuk melengkapkan pelajar-pelajar agar dapat



Oleh itu, Modul K360 dijadikan sebagai medium menilai pencapaian penulisan pelajar melalui program bacaan yang disediakan disamping strategi yang digunakan di dalam modul yang membantu memudahkan meningkatkan kefahaman pelajar. Modul ini telah menggabungkan beberapa modul yang telah pun diketengahkan oleh beberapa orang guru pakar, buku-buku di pasaran dan pembina modul peringkat negeri. Antara modul yang digunakan ialah modul dibangunkan oleh Ghazali Lateh Pakar Bahasa, Modul Ambak oleh Guru Pembimbing Daerah Batang Padang, Modul G-Cakna oleh JPN Negeri Kelantan. Modul K360 telah diadaptasi bersesuaian dengan aras pelajar berpencapaian sederhana. Modul ini difokuskan kepada Bahasa Melayu kertas 1 pada Bahagian B iaitu Karangan Umum yang mempunyai 5 soalan yang terdiri daripada pelbagai dimensi dan format penulisan. Di





dalam modul ini juga, bahan bacaan intensif disediakan dan dibekalkan terlebih dahulu kepada pelajar sebagai input awal dalam mengumpul maklumat, idea dan pengetahuan. Ini bersesuaian dengan cogan kata “banyak membaca luas ilmu pengetahuan”. Keseluruhannya, Modul K360 merupakan hasil gabungan modul-modul yang sesuai digunakan bagi pelajar yang bakal menduduki peperiksaan SPM bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.

K360 lahir dari perkataan “Karangan” yang diwakili oleh huruf K dan 360 pula memberi maksud mengambil kira kesemua aspek yang diperlukan oleh pelajar Kolej Vokasional yang pada aras pencapaian sederhana. 360 juga menggalakkan pelajar menulis karangan sebanyak 360 patah perkataan. Maka, lahirlah akronim Modul K360 yang sesuai digunakan untuk menggambarkan hasil penulisan pelajar yang mengambil kira kesemua aspek penulisan yang pada akhirnya dapat memenuhi syarat umum penskoran markah tertinggi iaitu setiap penulisan karangan mereka hendaklah melebihi 350 patah perkataan.

Bahan bacaan disertakan di dalam modul ini sebagai sumber ilmu dan pengetahuan awal kepada pelajar. Mereka akan dilatih membina peta pemikiran, perbincangan isu dan latihan membina perenggan. Pembacaan intensif yang dibimbing oleh guru di dalam kelas dan kemudiannya dipraktikkan secara ekstensif oleh pelajar akan memberi kesan berganda kepada kemahiran menulis pelajar ini.

Selari dengan wawasan 2020 yang makin hampir, peranan pendidikan dalam merealisasikan pencapaian dan perubahan kemajuan negara menjadikan Malaysia sebuah negara maju sepenuhnya merupakan agenda kritikal dan mencabar. Oleh itu,





pencapaian akademik menjadi penanda aras dalam menentukan kejayaan sesuatu sistem pendidikan negara. Mata pelajaran Bahasa Melayu adalah teras segala ilmu kerana berkaitan kemampuan membaca dan menulis. Oleh itu, bagi memastikan pencapaian Bahasa Melayu dapat dicapai proses membaca adalah penting dalam menguasai semua mata pelajaran lain sama ada dalam mata pelajaran sains, kejuruteraan, ekonomi mahupun dalam bidang teknologi. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah menyediakan pendidikan bahasa Melayu yang umum. Selaras dengan hasrat tersebut, peluang kepada pelajar untuk mengembangkan dan memperkuuh kecekapan berbahasa.

Sebagai pembaca tiga aspek diperlukan bagi memperolehi situasi interaksi

dengan teks, membuat jangkaan, menganggap teks sebagai peristiwa dan persamaan dengan kehidupan. Menurut Yahya Othman (2003), perlunya pembaca mewujudkan pemahaman semasa membaca. Proses membaca adalah usaha berterusan melalui amalan kognitif yang melibatkan analisis semasa membaca bagi mendapatkan gambaran atau idea dalam teks. Kesimpulannya, membaca merupakan aspek yang sangat penting dalam proses pencerapan ilmu pengetahuan yang banyak membantu kepada penguasaan bidang penulisan.

Justeru aktiviti PdPc oleh guru-guru perlu mengandungi kedua-dua elemen tersebut dan diajar secara bersepadu kepada pelajar. Mahoraini (1999) menyatakan adalah sangat penting bagi sesorang guru mendapatkan pemahaman yang jelas tentang konsep bacaan. Guru harus memegang konsep atau matlamat akhir pengajaran bacaan. Membaca bukanlah sekadar menyebut patah-patah perkataan tetapi





memahami makna dan maksud tentang apa yang disebutkan. Oleh itu, Modul K360 yang disertakan bersama-sama strategi, pendekatan, teknik dan bahan-bahan bacaan adalah sebagai usaha memupuk minat dan seterusnya memberi nilai tambah kepada pengetahuan pelajar. Tuntasnya, membaca amatlah besar impaknya ke atas seseorang pelajar dan ianya boleh memberi perubahan ke atas gaya penulisan dan sikap dan minat mereka.

1.2 Latar Belakang Kajian

Penggunaan modul dalam pengajaran dan pembelajaran perlu diperhebatkan supaya sesi pengajaran berlangsung dengan terancang. Fokus kepada pelajar yang

berpencapaian sederhana perlu dititikberatkan dan tidak hanya memberi tumpuan kepada pelajar berpencapaian tinggi dan rendah sahaja. Bagaimanapun, modul-modul yang tersedia bagi mata pelajaran bahasa Melayu Penulisan rata-ratanya terdiri untuk sasaran pelajar cemerlang dan gagal lulus (GALUS). Program bacaan boleh diadaptasikan kepada pelajar berpencapaian sederhana untuk memantapkan lagi kemahiran menulis sebagai asas dan tunjang kepada mereka mendapatkan idea untuk menulis. Sebagai contoh, program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) telah dilaksanakan untuk memupuk minat dan tabiat membaca. Program sebegini begitu sesuai kepada usaha mempercambahkan idea para pelajar. Program NILAM telah pun diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan Bahagian Teknologi Pendidikan sejak Tahun 1999. Ianya merupakan penggabungan atau adunan semula semua aktiviti galakan membaca yang pernah dijalankan di sekolah dengan memberi pengiktirafan yang sesuai. Pelaksanaan program ini meliputi penilaian pembacaan





yang berterusan sepanjang tahun. Usaha ini digerakkan agar dapat memupuk tabiat minat membaca dalam kalangan pelajar seawal usia pembelajaran di sekolah rendah.

Menurut Wan Zah Wan Ali (2005), sokongan daripada pelbagai pihak di dalam menjayakan program NILAM perlu diperhalusi terutama aspek sikap dan motivasi. NILAM diintegrasikan dengan budaya dan amalan harian di sekolah tidak boleh dianggap satu aktiviti sokongan yang membebankan. Dalam fenomena yang mementingkan pencapaian akademik, perlu juga diingatkan bahawa kemahiran membaca boleh membawa kepada kemahiran belajar. Oleh itu, kreativiti guru bahasa untuk mempelbagaikan kaedah mengajar amat penting untuk menarik minat pelajar. Sebagai pelaksana kurikulum, guru perlu mengambil berat tentang objektif kurikulum yang digubal bagi membolehkan hasrat kerajaan tercapai. Menurut Wan Zah Wan Ali lagi didapati sikap guru perlu diubah supaya mereka melihat program itu sebagai sesuatu yang berfaedah. Melalui program pembacaan seperti NILAM ini ianya dilihat mempunyai implikasi yang besar dan membentuk amalan dan minat membaca dalam kalangan pelajar. Bagaimana pun, suasana pembelajaran di Kolej Vokasional yang telah bertukar sistem telah mengalami perubahan terutama dari pelaksanaan sukatan pelajaran. Program bacaan kelihatan semakin suram dilaksanakan. Penekanan sistem kolej vokasional lebih menumpukan kepada kursus-kursus vokasioanal berbanding PdPc di dalam bilik darjah.

Para pelajar yang benar-benar menguasai pembacaan akan dapat memperoleh maklumat baharu yang dapat membantu dalam membekalkan idea dan gaya penulisan mampan di dalam sesuatu latihan dan ujian terutama melibatkan aspek bahasa dan penulisan. Oleh itu, Modul K360 yang mengandungi bahan bacaan akademik





dibekalkan kepada pelajar mengikut topik pelajaran Bahasa Melayu. Selain itu, Modul K360 juga mengandungi kaedah cara belajar seperti mencatat isi penting melalui peta pemikiran dan juga penerapan bacaan awal sebagai asas pengetahuan sebelum memasuki kelas. Walaupun, sistem kolej vokasional menggunakan modul mengikut semester menggantikan buku teks, diharap modul K360 dapat membantu memantapkan lagi kaedah belajar dengan lebih baik dengan adanya bimbingan daripada guru.

Zulkifley Hamid (2007) menyatakan bahawa proses menguasai kemahiran membaca dan memahaminya bukanlah suatu proses yang mudah untuk dilaksanakan. Kelemahan pelajar menguasai kemahiran membaca dan menulis akan menjelaskan potensi serta motivasi dalam menguasai kemahiran lain. Dengan penggunaan Modul

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

K360, dapatlah membantu usaha galakan membaca yang digarap oleh Program NILAM. Akan tetapi, Modul K360 lebih berfokus kepada bahan bacaan akademik agar dapat membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar dalam penulisan bahasa Melayu pelajar. Kenyataan bahawa dengan banyaknya jumlah data bacaan dapat meningkatkan tahap pengetahuan dan kefahaman kepada pelajar perlu dibuktikan. Apakah dengan bahan yang dibaca dalam program bacaan yang berunsurkan fiksyen, bahan bacaan komik, majalah dapat membantu mereka dalam menguasai bidang akademik yang lebih menekankan ilmu bukan fiksyen. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti sejauh manakah bahan bacaan memberi impak kepada prestasi akademik pelajar dalam Bahasa Melayu dan juga sikap mereka. Adakah wujud impak yang berbeza di antara pelajar yang disediakan program pembacaan dengan mereka yang tidak terlibat dalam program bacaan. Selain itu, kajian ini ingin membuktikan bahawa pelaksanaan program membaca di dalam Modul





K360 dapat memupuk minat membaca dengan minat secara semula jadi pelajar terhadap bahan bacaan sehingga dapat mempengaruhi pencapaian terhadap prestasi dalam penulisan Bahasa Melayu. Malah faktor lain juga turut menjadi perhatian, iaitu juga melihat adakah bacaan intensif yang dibimbing oleh guru dalam semua aspek terutama pemilihan bahan, kualiti bahan dan kandungan topik yang merentasi akademik benar-benar membantu pelajar meningkatkan mutu penulisan berbanding dengan bacaan ekstensif.

Menfokuskan kepada pentingnya kemahiran membaca ini dikuasai, telah menyebabkan pengkaji berminat untuk memahami kepentingan proses pemindahan maklumat iaitu dari bahan bacaan kepada bentuk penulisan. Tumpuan kajian ialah dominan kepada bacaan intensif kerana pencerapan dan bimbingan di dalam bilik darjah boleh dilakukan oleh guru berbanding bacaan ekstensif yang lebih memberi kebebasan kepada pelajar memilih bahan bacaan sendiri dan mengikut keinginan mereka untuk membaca. Bacaan ekstensif yang mengharapkan bacaan pelajar diluar bilik darjah perlulah disokong juga dengan bimbingan guru di dalam kelas bahasa Melayu melalui bacaan intensif yang boleh menggalakkan literasi maklumat berlangsung. Oleh itu, Modul K360 dibina bagi pelajar kategori berpencapaian sederhana akan digunakan kepada responden di Kolej Vokasional Slim River, Perak.

Rentetan isu di sekolah pula, kebanyakan pelajar yang tidak dapat memahami apa yang dibaca sama ada bahan-bahan daripada buku-buku teks atau bahan bacaan lain. Ini disebabkan kecekapan seseorang di dalam kemahiran membaca yang diperlukan adalah berbeza bagi setiap pelajar. Mereka mungkin membaca pada tahap bacaan yang sama tetapi mempunyai tahap kefasihan atau kelemahan dan kecerdasan





mental yang berbeza antara satu sama lain. Kebanyakkan pelajar membaca kerana bertujuan mandatori iaitu menghadapi peperiksaan atau menyelesaikan kerja rumah (Khairul Anwar, 2015). Oleh itu, guru seharusnya menyediakan sesi pengajaran yang lebih kreatif agar menarik minat pelajar setiap masa. Sebagai contoh, modul ini dilengkapi dengan arahan untuk pelajar membaca sesuatu topik lebih awal, menyediakan peta pemikiran dan seterusnya mempraktikkan penulisan berkisarkan topik bacaan tersebut.

Menyentuh tentang aspek sikap pelajar, Berdasarkan Buku Panduan Am Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KPM 2003) menyatakan bahawa setiap perbezaan wujud dalam setiap pelajar dari segi pengalaman, tingkah laku, amalan, akat dan kebolehan mereka. Oleh itu, pelbagai usaha telah dan akan dijalankan oleh

Kementerian Pelajaran Malaysia dan giat dilaksanakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri bersama Pejabat Pelajaran Daerah bagi merangka program kecemerlangan pelajar. Contohnya program di sekolah rendah iaitu Kelas Intervensi Awalan Membaca dan Menulis (KIA2M) dan Program Literasi dan Numerasi (LINUS) sedang giat dijalankan. Melalui program-program yang dirancang diharapkan dapat membantu serta memenuhi keperluan pelajar-pelajar ini (Abdul Rasid Jamian, 2008). Dengan kata lain, budaya membaca perlu dipupuk sejak dari kecil supaya idea pelajar sentiasa bercapah dengan pemerolehan maklumat baru secara terus.



1.3 Penyataan Masalah

Kebelakangan ini, usaha dalam gerakan dan galakan membaca menerima ancaman yang hebat apabila ledakan teknologi maklumat berlaku dalam perubahan sosial dan budaya. Shaharom (2011), menggesa media cetak dan elektronik perlu menyebarluaskan budaya ilmu dengan melahirkan “pencinta buku” yang terangkum di dalamnya budaya membaca yang tinggi, pembeli bahan bacaan yang luar biasa dan pencinta ilmu. Kecenderungan pelajar untuk membaca melalui bahan elektronik telah memberi impak yang besar ke atas penggunaan buku sebagai medium utama untuk dijadikan bahan bacaan. Walaupun pada asasnya pelajar masih membaca, tidak kira dari media elektronik atau pun dari sumber bahan buku, namun impaknya berbeza kerana dari segi pemilihan bahan dan juga tujuan membaca. Dewasa ini, pelajar lebih cenderung memilih bacaan seperti novel, komik dan buku fiksyen yang secara umumnya tidak membawa impak ke atas percambahan idea untuk menulis karangan dalam peperiksaan.

Usaha yang proaktif dilihat amat penting dalam menggarapkan hasrat murni program bacaan melalui kerjasama semua pihak sama ada pelajar, ibu bapa, guru, pihak sekolah dan komuniti. Budaya membaca dilihat sebagai satu beban yang besar untuk diimplementasikan ke dalam budaya masyarakat hari ini, bukan sahaja di dalam komuniti bahkan juga pelaksanaannya di peringkat sekolah. Strategi-strategi tertentu perlu diimplementasikan dari sekarang agar pelajar tidak lagi menjadikan amalan membaca sebagai suatu yang membosankan (Yusof Boon, 2010). Berdasarkan “Model Program Nilam yang ditambah baik”, pendekatan yang wajar diambil dalam pembinaan tabiat membaca mesti berupa “Paksaan yang Berterusan”. NILAM yang



ditambahbaik merupakan kesinambungan kepada program NILAM sebelumnya. NILAM yang ditambahbaik lebih berfokus kepada kualiti pembacaan berbanding kuantiti bahan dibaca dalam NILAM terdahulu. NILAM yang ditambahbaik merupakan gabungan aktiviti pembacaan (kuantiti dan kualiti bahan) dan juga aktiviti-aktiviti pengayaan selepas pembacaan (peningkatan pengetahuan dan kemahiran selepas pembacaan) yang akan melihat kepada aspek kualiti selepas pembacaan. Pelajar tidak suka membaca bahan bacaan akademik dan menganggap aktiviti yang membosankan. Oleh itu, modul yang mesra dan ringan perlu digunakan kepada pelajar dengan bimbingan guru untuk meningkatkan pengetahuan dan kualiti penulisan mereka. Pembacaan tidak kekal dalam ingatan pelajar, tetapi melalui bimbingan maklumat dari bacaan boleh menjadi maklumat jangka panjang dan boleh digunakan semula dalam menghasilkan idea penulisan.



Selaras dengan hasrat “Pendidikan Untuk Semua” dan konsep kesamarataan akses terhadap peluang pendidikan yang berkualiti seperti yang dinyatakan dalam Anjakan 1 Transformasi Sistem Pendidikan, terdapat keperluan untuk menstruktur semula pendekatan, pelaksanaan dan penilaian program bacaan melalui dengan peluasan kepada kepelbagaiannya jenis sekolah seperti Sekolah Pendidikan Khas, Sekolah Integriti, Sekolah Dalam Hospital, Sekolah Titian Kasih dan Kolej Vokasional. Rentetan tinjauan suasana pembelajaran di Kolej Vokasional yang terpisah dengan program bacaan pembelajaran di dalam kelas sehari bagi mata pelajaran bahasa Melayu telah mencetuskan pelaksanaan modul terancang yang mengandungi elemen bacaan dalam rancangan sesi latihan untuk meningkatkan mutu penulisan.





Program NILAM yang berlangsung di kolej tidak serancak pelaksanaanya di sekolah-sekolah arus perdana. Sedangkan pelajar yang belajar di Kolej Vokasional ini juga menduduki peperiksaan Bahasa Melayu Setara SPM. Apa yang membezakan ialah dari aspek pelaksanaan sesi pembelajaran dan penilaian iaitu menumpukan Penilaian Berterusan dan sesi pembelajaran dalam bentuk kursus di dalam semester. Bagaimana pun, tumpuan pembelajaran adalah lebih mengutamakan persediaan untuk peperiksaan. Faktor tambahan pula dengan kekangan masa, guru sedaya upaya memanfaatkan masa untuk menghabiskan sukanan pelajaran yang telah dirancang. Kenyataan ini disokong oleh kajian Iman M. Alghazo (2006), Zamri dan Nur Aisyah (2011) yang menyatakan bahawa guru juga turut dibebani dengan tugas lain di luar bilik darjah seperti mengendalikan program yang melibatkan murid. Hal ini ditambah dengan beban guru terkejar-kejar untuk menghabiskan silibus disebabkan penjadualan aktiviti guru yang tidak sistematis. Kekangan ini mengehadkan kreativiti guru untuk menggunakan kaedah pengajaran yang lebih kreatif dalam proses P&P Komsas dalam Bahasa Melayu. Guru yang memberi tumpuan spesifik dalam pengajaran selalunya menunjukkan keputusan pencapaian yang tinggi, begitu juga sebaliknya. Kebiasaannya, kaedah yang sama digunakan ke atas murid sama, akan menghasilkan pencapaian yang sama. Oleh itu, guru tidak boleh mengehad penggunaan satu kaedah sahaja dalam pengajaran. Menurut Rohaida Yusop (2015) kebanyakan guru lebih selesa dengan kaedah pengajaran yang sedia ada dan sukar untuk mempelajari kemahiran dan menerima perubahan terutama bentuk penyampaian dan pengetahuan baru. Fokus kepada PdPc di dalam kelas ke arah orientasi menjadi tunjang utama dalam proses menyampaikan ilmu. Oleh itu, program membaca perlu dirancang di dalam pelaksanaan modul pengajaran hendaklah disusun dengan sebaiknya oleh para





guru agar proses pembelajaran berlaku seiring dengan semua matlamat yang telah digariskan.

Pencapaian Malaysia khususnya dalam literasi bacaan Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA) pada tahun 2012 menunjukkan penurunan yang membimbangkan. PISA 2009 menunjukkan Malaysia menduduki tempat ke-55 daripada 74 buah negara yang turut serta, manakala dalam PISA 2012, kedudukan dalam bacaan merosot ke tempat 59 daripada 65 buah negara. Purata skor bacaan murid Malaysia merosot daripada 414 mata pada PISA 2009 kepada 398 mata pada PISA 2012. Laporan kajian PISA, 52.5% murid Malaysia gagal mencapai Tahap 2, yang menurut Organization for Economic Cooperation and Development (OECD), tahap minimum untuk membolehkan seseorang menyertai kehidupan masyarakat

secara berkesan dan produktif setelah tamat persekolahan. Laporan Kajian PISA 2012

melaporkan kelemahan pelajar Malaysia adalah tidak tepat menjawab soalan yang menguji pemikiran aras tinggi (KBAT) disebabkan kurang membaca atau pembacaan terhad kepada genre tertentu. Isu ini dikatakan berkait rapat kejayaan pelaksanaan program membaca. Realitinya, dalam pelaksanaan program NILAM terdahulu ianya menumpukan pengiktirafan melalui kuantiti data bacaan terkumpul secara kumulatif oleh pelajar. Kecenderungan pelajar mengumpul bacaan, hanyalah melalui proses yang ringkas iaitu menyalin sinopsis, membina peta pemikiran, menyatakan nilai dan pengajaran. Sedangkan dalam kemahiran menulis karangan pelajar perlulah disuapkan dengan bahan bacaan ilmiah agar dapat menyumbangkan idea awal kepada mereka.

Laporan kajian Belize Development Trust 2016-2019 menunjukkan 92% boleh membaca tetapi 50% atau lebih daripadanya kurang faham apa yang mereka baca. Keadaan ini mengesahkan laporan Snow Catherine E (2002) yang menyatakan salah





satu masalah yang kini dipandang serius dan menjadi topik perbincangan dalam kalangan penyelidik di Amerika ialah pelajar sekolah rendah, menengah dan peringkat tertinggi tidak mempunyai kemahiran atau kecenderungan membaca dengan faham terhadap bahan yang mereka pelajari. Permasalahan yang wujud adakah pelajar benar-benar membaca bahan bacaan, kemudian mentafsirkan maklumat dalam bentuk penulisan dengan mencatatkan idea-idea utama sebagai buah fikiran dalam penulisan.

Isu ini pernah diutarakan oleh Chris Tovani (2000) menyatakan bahawa tugas guru begitu mencabar hari ini dalam mengajar pelajar membaca bagi kelas asas. Pembacaan bukan sahaja sekadar menyebut suku kata, membaca perkataan dari kiri ke kanan malah memasukkan input yang bermakna kepada mereka. Ini termasuklah kemampuan untuk mentakrif dengan tepat setiap perkataan, membentuk penilaian tentang keseluruhan teks. Sarah Miller, Paul Connolly and Lisa K. Maguire (2011), menilai impak ke atas program membaca iaitu Time to Read yang mana program berkonsepkan bimbingan mentor bertujuan menghasilkan literasi, pengkodan, kadar pembacaan, kekerapan membaca, pengaruh dan tahap kefahaman membaca dan juga hasil bukan berbentuk literasi seperti keseronokan membaca, keyakinan dan aspirasi masa depan. Kejayaan kanak-kanak pada masa depan adalah dipengaruhi oleh kebolehan membaca dengan lancar dan memahami apa yang dibaca (Therrien, 2004).

Dorongan membaca secara semulajadi perlu dipupuk tanpa dipaksa. Dorongan ke arah pencapaian akan menjadikan seorang pelajar sedar akan kepentingan pencapaian dalam hidup mereka dan seterusnya diterjemahkan melalui gaya pembelajaran seperti suka membaca, sentiasa menambah pengetahuan baru dan juga





menampilkan karektor dan sikap yang positif. Guru yang seringkali fokus kepada pencapaian pelajar perlu mengubah pengajaran mereka seiring dengan karektor pelajar. Oleh itu, bimbingan oleh guru terhadap program membaca perlulah secara proaktif dan berterusan agar sentiasa seiring proses PdPc agar proses mengintepretasikan maklumat yang bermakna dapat dilakukan oleh pelajar. Hal ini didorong oleh cadangan pertama dalam NILAM ditambah baiki dari segi pelaksanaannya yang menyarankan agar disertai aktiviti membaca dalam proses PdP secara merentas kurikulum. Menurut Kajian Tabiat Membaca (UPM, 1997) secara purata 15% sahaja pembelajaran yang melibatkan pembacaan. Kebanyakan latihan membaca itu dilakukan dalam masa yang singkat dan tidak berlangsung secara berterusan. Oleh itu, bagi memastikan pengukuhan kemahiran dan minat membaca, masa pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah perlu dimanfaatkan secara sepenuhnya agar melahirkan pelajar yang berkarektor positif.



Bagi mengenalpasti kesan penggunaan Modul K360 terhadap pencapaian dan sikap pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu penulisan, kajian ini dijalankan dengan mengambilkira penggunaan bahan bacaan terbimbing semasa proses PdPc mata pelajaran ini semasa eksperimen dilakukan. Beberapa set rancangan sesi latihan disediakan beserta bahan bacaan, strategi dan teknik yang akan digunakan proses pengajaran bagi memastikan pelajar dapat meningkatkan pencapaian prestasi dan sikap mereka dalam penulisan karangan mata pelajaran bahasa Melayu.





1.4 Objektif kajian

Kajian kuantitatif yang dijalankan oleh penyelidik adalah untuk mencapai beberapa objektif:

1.4.1 Menentukan perbezaan penguasaan Bahasa Melayu Kertas (Penulisan)

dalam Ujian Pos 1 antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.

1.4.2 Menentukan perbezaan penguasaan Bahasa Melayu Kertas (Penulisan)

dalam Ujian Pos 2 antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.

1.4.3 Menentukan peningkatan pencapaian ujian antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.

1.4.4 Membanding beza sikap pelajar antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen.



1.5 Persoalan kajian

Soalan kajian yang telah dibina berdasarkan objektif kajian di atas merangkumi:

1.5.1 Adakah terdapat perbezaan pencapaian Ujian Pos 1 antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan?

1.5.2 Adakah terdapat perbezaan pencapaian Ujian Pos 2 antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan?





1.5.3 Adakah terdapat peningkatan pencapaian pelajar bagi kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen?

1.5.4 Adakah terdapat perbezaan sikap antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan?

1.6 Hipotesis Kajian

Kajian ini juga bertujuan untuk menguji hipotesis nul yang berikut :

HO1 Tidak terdapat perbezaan markah pencapaian Ujian Pos 1 Bahasa Melayu Penulisan yang signifikan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.

HO2 Tidak terdapat perbezaan markah pencapaian Ujian Pos 2 Bahasa Melayu Penulisan yang signifikan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.

HO3 Tidak terdapat peningkatan pencapaian yang signifikan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.

HO4 Tidak terdapat perbezaan sikap yang signifikan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan

1.7 Kepentingan Kajian

Menurut kajian lalu, program bacaan dapat memupuk amalan membaca sehingga dapat membentuk pelajar yang berpengetahuan. Untuk memastikan adakah pelaksanaan program-program bacaan ini dilaksanakan dengan berkesan, kajian ini





telah dijalankan. Antara kepentingan kajian ialah dapat menilai sejauh mana kesan penggunaan Modul K360 terhadap kemahiran menulis dan kefahaman pelajar. Selain itu, kajian ini juga dapat menilai sejauh mana Modul K360 memberi kesan kepada sikap dan karektor pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Melayu. Dalam aspek minat membaca, program bacaan dilaksanakan melalui modul pengajaran dan pembelajaran dan peningkatan pencapaian pelajar dinilai dari semasa ke semasa.

Kepentingan lanjutan kajian pula boleh diadaptasikan oleh Bahagian Pendidikan Teknik Vokasional (BPTV) / Kolej Vokasional (KV) agar dapat melaksanakan program dengan jayanya melalui kaedah dan pendekatan holistik ke arah pembentukan budaya membaca. Manakala pihak berkenaan dapat menyediakan kursus yang menekankan kepada amalan sebenar guru bahasa semasa menjalankan program bacaan supaya peningkatan dalam kemahiran menulis pelajar.

Selain itu, pihak berkenaan juga dapat mengadakan bengkel dan latihan kepada guru bahasa secara menyeluruh supaya pelaksanaan program bacaan di dalam modul pengajaran akan lebih berkesan bukan sekadar mendapat data bacaan sahaja tetapi ke arah pemupukan minat dan pencapaian pelajar. Seterusnya, masalah dan konflik sebenar yang dihadapi oleh guru-guru Bahasa dalam memastikan pencapaian cemerlang Bahasa Melayu penulisan di Kolej Vokasional dapat dikenalpasti terutamanya dalam merangka bahan pengajaran. Malahkekangan yang menghalang keberkesanan pelaksanaan program bacaan diharap dapat diselesaikan.





1.8 Skop dan Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan adalah terbatas kepada beberapa perkara berikut :

1.8.1 Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan penggunaan Modul K360 terhadap pencapaian dan sikap pelajar dalam Bahasa Melayu Penulisan. Kajian ini dilaksanakan ke atas pelajar Tahun Dua Peringkat Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dari Jabatan Perniagaan di Kolej Vokasional Slim River, Perak. Responden kajian adalah terdiri dua kumpulan pelajar seramai 39 orang pelajar. Pelajar yang terpilih sebagai responden adalah dari dua kelas yang berbeza tetapi mempunyai ciri yang sama yang telah diberikan ujian pra untuk menentukan pemilihan kumpulan dengan melihat min markah ujian.

Setelah kumpulan terbentuk iaitu kumpulan ini terdiri 19 pelajar kumpulan eksperimen dan 20 pelajar kumpulan kawalan yang seterusnya akan mengikuti ujian 1, ujian 2 dan soal selidik.


1.8.2 Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan penggunaan modul terhadap kemahiran menulis pelajar dalam bahasa Melayu (penulisan). Aspek yang diuji ialah pencapaian pelajar dalam kemahiran menulis pada akhir eksperimen.

1.8.3 Pengkaji juga mengehadkan kajian kepada pelajar Tahun 2 Sijil Vokasional Malaysia, Jabatan Perniagaan iaitu berusia 17 tahun dan menduduki peperiksaan Bahasa Melayu Setara SPM. Pelajar ini tertakluk kepada Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).



1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengadaptasikan kerangka konseptual yang diilustrasikan dalam Rajah 1 di bawah. Modul K360 merupakan pembolehubah tidak bersandar yang dihubungkait dengan pencapaian dan sikap pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Penulisan (pembolehubah bersandar).



Rajah 1

Kerangka Konseptual Kajian Kesan Penggunaan Modul K360 terhadap Pencapaian dan Sikap dalam Mata pelajaran Bahasa Melayu (Penulisan)

Kerangka kajian yang diubahsuai dari Model CIPP dan komponen pertama iaitu input yang terdiri daripada pandangan pakar, guru dan pelajar. Di peringkat



proses penggunaan strategi pengajaran konvensional digunakan bagi kumpulan eksperimen dan strategi pengajaran sedia ada dikenakan ke atas kumpulan kawalan. Dalam konteks produk atau pun output, peningkatan ke atas pencapaian dalam ujian pencapaian penulisan dan sikap pelajar. Teori behaviorisme juga dikaitkan iaitu melihat faktor yang menimbulkan minat pelajar membaca sebagai rangsangan kepada tindakbalas untuk terus membaca dan mengamalkan minat ini dengan keseronokan. Program bacaan dilihat sebagai faktor penting yang boleh menarik minat membaca dan seterusnya mewujudkan budaya membaca sehingga membawa kesan kepada kemahiran dan penguasaan menulis. Amalan membaca yang berterusan adalah untuk mengukuhkan minat membaca secara berterusan dan sekiranya dipraktikkan dengan konsisten ianya akan mewujudkan satu budaya kepada pelajar. Apabila banyak membaca, kemahiran berbahasa akan diperolehi dan pelbagai maklumat dapat diketahui. Bukti yang boleh dilihat kepada gaya penulisan pelajar yang akan menunjukkan pelajar itu mahir berbahasa apabila mampu mengungkapkan idea, pendapat, buah fikiran, penggunaan peribahasa, kosa kata dan kesantunan bahasa semasa menulis karangan. Markah yang diperuntukkan pada Bahasa Melayu Kertas 1 Bahagian B (karangan umum) ialah 100 markah. Oleh itu, budaya membaca yang sebenar perlu ditingkatkan melalui program bacaan agar dapat melahirkan masyarakat yang berkemahiran bahasa yang tinggi.

1.10 Definisi Operasional

Beberapa istilah yang mempunyai makna yang khusus digunakan dalam laporan ini. Istilah ini akan lebih menerangkan dengan jelas tentang perkara yang hendak dikaji. Istilah-istilah digunakan adalah seperti yang berikut:





1.10.1 Modul K360

Modul K360 merujuk kepada gabungan modul-modul sedia ada yang diambil sehingga membentuk modul yang sesuai digunakan bagi pelajar aras sederhana. Modul pembelajaran merujuk kepada program belajar yang mempunyai bahan yang disusun secara sistematis dan menarik yang mencakup isi, kaedah dan penilaian yang dapat digunakan secara sendiri untuk mencapai kompetensi yang diharapkan (Anwar, 2010).

Di dalam kajian ini, Modul K360 adalah set Rancangan Sesi Latihan yang disertakan dengan aktiviti bacaan intensif sebagai bacaan awal bagi pelajar. Bahan bacan yang dibekalkan merangkumi bahan ilmiah seperti artikel dan contoh karangan. Modul K360 mengandungi pelbagai langkah pengajaran yang mempunyai pelbagai aktiviti seperti bacaan senyap, bacaan pantas, penghasilan peta pemikiran, teknik menghasilkan ayat perenggan dan juga merangka karangan. Di dalam kajian ini, Modul K360 digunakan kepada kumpulan eksperimen.

Selain itu, Supandi (di dalam kajian Hanizah Hussin, 2004) menyatakan bahawa modul merupakan satu unit program pengajaran yang telah disusun dalam bentuk tertentu untuk keperluan PdPc. Modul merupakan kesatuan kegiatan belajar yang terancang untuk membantu para guru dan pelajar mencapai tujuan belajar. Modul merupakan pakej program pengajaran yang terdiri daripada komponen-komponen yang bertujuan untuk belajar, bahan





pengajaran, kaedah pengajaran, alat media serta sumber belajar dalam sistem evaluasi.

Oleh itu, Modul K360 adalah hasil modul yang dibangunkan secara rapi seiring dengan mengambil bahan-bahan tersedia yang sesuai dengan aras pengetahuan pelajar sederhana. Modul ini akan memudahkan guru membimbing pelajar membaca dan menulis dengan mengambil kira elemen-elemen penting dalam kriteria penskoran markah.

1.10.2 Pencapaian

Menurut kamus dewan edisi keempat (2005), pencapaian bermaksud apa yang telah diperoleh atau dicapai dengan mendapat (memperoleh, menghasilkan) sesuatu menerusi usaha. Selain itu ia juga membawa maksud sesuatu yang dicapai, sesuatu yang telah berjaya dilaksanakan dengan usaha dan ketekunan atau pun perbuatan (hal, usaha dan sebagainya) mencapai sesuatu.

Di dalam kajian ini, pencapaian adalah merujuk kepada markah ujian Bahasa Melayu penulisan pada ujian pos dan seterusnya meliputi juga perubahan sikap pelajar iaitu minat dan motivasi ke atas mata pelajaran ini. Apa yang diharapkan oleh pengkaji ialah pencapaian pelajar dalam ujian penulisan akan meningkat melalui penggunaan beberapa modul yang sesuai dengan aras pelajar yang sederhana seterusnya membantu memudahkan proses PdPc.





1.10.3 Bahasa Melayu (Penulisan)

Bahasa Melayu (Penulisan) ada merujuk kepada Kertas Satu (1) Bahagian B iaitu Karangan Umum pelbagai dimensi. Bahagian B terdiri daripada lima (5) pilihan soalan dan memerlukan pelajar menjawab satu soalan sahaja. Bagaimana pun, bagi pelajar Kolej Vokasional calon menduduki peperiksaan kertas peperiksaan Bahasa Melayu Setara SPM dengan Kod A01401. Manakala bagi calon Sekolah Harian pula menggunakan Kod 1103.

1.10.4 Kumpulan eksperimen



Kumpulan ini merujuk kepada kumpulan pelajar yang mengikuti proses PdPc menggunakan Modul K360 dalam Bahasa Melayu penulisan iaitu pelajar Tahun Dua Peringkat Sijil Vokasional Malaysia dari kursus Sijil Kesetiausahaan Pentadbiran, Kolej Vokasional Slim River. Kumpulan eksperimen ini diberikan set soalan ujian pencapaian sebanyak 3 kali, borang kaji selidik mengenai keseronokan (minat), motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik dan konsep kendiri dalam penulisan karangan. Ini adalah untuk menyokong dengan lebih mendalam jawapan tentang persoalan kajian ini.





1.10.5 Kumpulan kawalan

Kumpulan ini merujuk kepada kumpulan pelajar yang mengikuti kelas secara kaedah sedia ada dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Penulisan di Kolej Vokasional Slim River, Perak. Sesi pembelajaran adalah menggunakan kaedah sedia ada di dalam struktur pengajian mereka di dalam kursus yang diambil. Kumpulan pelajar ini adalah terdiri daripada pelajar Tahun Dua SVM, Kursus Pengurusan Perniagaan, Kolej Vokasional Slim River. Set soalan ujian pencapaian dan soal selidik yang sama digunakan untuk para responden.



1.10.6 Ujian Pra

Ujian Pra ialah satu siri ujian yang dijalankan ke atas semua sampel. Skor pencapaian ujian pra digunakan bagi dua tujuan iaitu pertama untuk tujuan pemilikan kumpulan, di mana individu yang menyumbang min markah yang sama akan diambil sebagai responden. Seramai 41 pelajar telah diberikan set ujian pra, bagaimana pun yang berada di dalam kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan ialah seramai 19 dan 20 orang sahaja. Selain itu, skor markah bagi ujian pra juga digunakan bagi tujuan analisis dan perbandingan kumpulan melalui ujian-t.





1.10.7 Ujian Pos 1

Ujian Pos 1 ialah satu siri ujian pos pertama yang djalankan selepas 3 minggu sesi pembelajaran diadakan kepada kumpulan eksperimen. Set soalan ini adalah sama dengan set soalan Ujian Pra. Seramai 39 orang pelajar telah menduduki Ujian 1.

1.10.8 Ujian Pos 2

Ujian Pos 2 ialah satu siri ujian pos kedua yang djalankan selepas 6 minggu sesi pembelajaran diadakan kepada kumpulan eksperimen. Set soalan ini adalah sama dengan set soalan Ujian Pra. Seramai 39 orang pelajar telah menduduki Ujian 2.

1.10.9 Sikap

Sureh Kumar N Vellymalay (2011) mentafsirkan sikap mempunyai tiga komponen utama iaitu kesedaran, perasaan dan perilaku. Sikap akan menentukan perasaan dan lebih kepada afektif pelajar. Jika sikap pelajar itu positif sudah pastinya akan lahir emosi yang positif. Perasaan pula adalah sudut emosi dari sebuah sikap dan akhirnya melahirkan perilaku. Manakala





perilaku dari sebuah sikap merujuk pada suatu maksud untuk berperilaku dalam cara tertentu terhadap seseorang atau sesuatu. Bagaimana pun di dalam kajian ini, sikap tertumpu kepada empat elemen iaitu keseronokan (minat), motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik dan konsep kendiri dalam penulisan karangan.

1.11 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini menjelaskan betapa pentingnya bahan bacaan yang tersedia dalam proses PdPc bagi menjana kemahiran menulis pelajar. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memberi dimensi baharu dalam kemahiran membaca yang sering diabaikan di dalam PdPc secara formal. Dengan ada program yang disediakan seiring dengan proses penyampaian PdPc, diharapkan dapat membantu pelajar meningkatkan pencapaian dalam bahasa Melayu penulisan sekali gus memupuk minat membaca yang turut memberi kesan ke atas sikap mereka terhadap mata pelajaran. Langkah yang terperinci dan bersistematik yang diatur oleh guru akan membantu pelajar menjalankan proses pemindahan maklumat melalui apa yang dibaca kepada bentuk penulisan. Persoalannya, apakah kesan Modul K360 terhadap prestasi dan pencapaian pelajar ini? Perkara ini akan dikupas lebih lanjut di dalam bab seterusnya.

